

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos tambahan dalam menaik taraf aplikasi MySejahtera menjadi “*Super App*” dan pihak mana yang memiliki hak data peribadi dalam MySejahtera.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman semua, aplikasi MySejahtera bermula sebagai *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan telah tamat tempoh CSR yang diberikan selama satu (1) tahun iaitu pada 31 Mac 2021. Sehingga kini, tiada bayaran yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia kepada syarikat pembangun sistem dan aplikasi tersebut.

2. Sejak awal pembangunan, aplikasi MySejahtera ini terus ditambahbaik secara berterusan dan pantas. Melihat kepada kepentingan MySejahtera sebagai aplikasi nasional dalam pengurusan pandemik COVID-19 kini, aplikasi ini boleh dipertimbangkan untuk dipertingkatkan menjadi “*Super App*” bagi aspek penjagaan kesihatan (*healthcare*)

selaras dengan objektif pembangunannya yang menumpukan dalam sektor kesihatan.

3. Pembangunan MySejahtera dilaksanakan selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Sehubungan itu, data yang dikumpulkan adalah hak milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sejak awal pembangunan MySejahtera, pentadbir, pengurus dan pemilik data MySejahtera adalah KKM. Agensi-agensi lain seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU, JPM) bertindak sebagai penyokong kepada KKM bagi pihak Kerajaan Malaysia. Data yang dikumpul dalam aplikasi MySejahtera akan terus kekal menjadi hak milik KKM selaras dengan peruntukan di bawah Akta 342.

4. Dalam hal berkaitan jumlah pembayaran termasuk kos-kos lain dalam MySejahtera, pihak Kerajaan yang diterajui oleh MAMPU dan dianggotai oleh KKM, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM), dan National Cyber Security Agency (NACSA, MKN) masih dalam perbincangan untuk bagi memutuskan perkara ini.

5. Perolehan berkaitan MySejahtera ini akan dipastikan supaya memenuhi syarat-syarat dibawah kontrak perolehan Kerajaan yang lain dan pihak kontraktor perlu mematuhi *Service Level Agreement* (SLA) yang ditetapkan dalam memastikan ketersediaan perkhidmatannya.

Sekian, terima kasih.